

| Akaun Young Savers |
|--|
| Nama Produk: Akaun OCBC Young Savers |
| Apakah Akaun OCBC Young Savers? Akaun yang direka untuk membantu kanak-kanak belajar menabung sejak dari usia muda di samping menyemai tabiat yang baik di kalangan kanak-kanak sekolah dan para remaja. |

| Kelayakan | |
|---|---|
| Umur | Ibu bapa atau penjaga sah (berumur 18 tahun dan ke atas) yang memegang amanah bagi kanak-kanak yang layak (berumur bawah 18 tahun). |
| Akaun Amanah | <ul style="list-style-type: none"> Akaun amanah perlu dibuka untuk individu di bawah umur 18 tahun ("Minor") atas nama Ibu bapa/Penjaga. Akaun hanya boleh dibuka dengan tidak lebih daripada 1 penerima ("Minor") bagaimanapun ia mungkin boleh melebihi 1 pemegang amanah (Ibu bapa/Penjaga) |
| Warganegara | Dibuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal). |
| Dokumen yang Diperlukan | Ibu bapa atau penjaga sah (berumur 18 tahun dan ke atas): <ul style="list-style-type: none"> Kad Pengenalan atau Pasport atau (jika berkenaan). Kanak-kanak yang layak berumur bawah 18 tahun (akaun pegangan amanah): <ul style="list-style-type: none"> MyKid atau Sijil Lahir. Nota: MyKid, Sijil Lahir atau Sijil Pengesahan Penjaga diperlukan untuk membuktikan hubungan antara ibu bapa/ penjaga dengan kanak-kanak itu. |
| Simpanan Permulaan Minimum | RM500 |
| Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun | RM1 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki tinggal kurang daripada baki minimum akan ditolak. |
| Kadar Faedah | |
| Pengiraan Faedah | Faedah dikira secara harian dan dikreditkan setiap separa tahun iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember. |
| Kadar Faedah | Faedah bonus tahunan. Nikmati 5% tambahan kepada faedah yang diperolehi untuk tahun terbabit jika tiada pengeluaran dilakukan untuk 12 bulan kalendar mulai 31 Disember setiap tahun. Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia dan di cawangan-cawangan OCBC Bank. OCBC Bank berhak untuk menukar kadar faedah dan boleh melakukannya di cawangan, di laman web OCBC Bank dan dalam media massa. |
| Perkhidmatan | |
| Perkhidmatan yang Dikecualikan | Akaun ini tidak bercirikan penggunaan kad Debit. Walau bagaimanapun, mentag kad Debit ibu bapa/penjaga yang sedia ada dengan Akaun Young Savers yang dipegang secara amanah untuk anak mereka adalah dibenarkan. Sebarang pengeluaran tunai mestilah dilakukan di kaunter mana-mana Cawangan OCBC Bank. Caj tidak akan dikenakan. |
| Perbankan Online OCBC | Lobi Perbankan Elektronik – eLobby <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan simpanan, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi. 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda memasukkan atau membayar wang tunai dengan atau tanpa kad Debit ke akaun OCBC anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga. Mesin Kemasukan Cek memberikan cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC. Perbankan Internet OCBC <ul style="list-style-type: none"> Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor Kad Debit atau Kredit dan PIN anda di laman web OCBC Malaysia |

Akaun Young Savers

| | | | | | |
|---|--|--|---|--|--|
| | <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau bercakaplah dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia). Sah untuk individu berumur 18 tahun dan ke atas. <p>Nota: Anda hanya boleh memeriksa baki melalui Perbankan Internet jika anda telah mempunyai akaun Perbankan Internet.</p> | | | | |
| Terma Lain | Akaun yang tidak mempunyai apa-apa baki secara berterusan selama 90 hari akan ditutup. OCBC akan memaklumkan anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum penutupan akaun. Pengaktifan semula akaun yang ditutup adalah atas budi bicara mutlak OCBC. | | | | |
| Ciri-ciri dan Manfaat | | | | | |
| Ganjaran Tunai | <p>Dapatkan ganjaran dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam.</p> <p>Untuk layak, akaun mestilah dibuka lebih daripada 1 tahun sebelum pengumuman keputusan peperiksaan awam dan keputusan mestilah dihantar dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengumuman.</p> <ul style="list-style-type: none"> UPSR 5A - RM50 PT3 7A - RM100 SPM 8A - RM150 | | | | |
| Penyata Akaun | <p>Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata yang boleh didapati melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan.</p> <p>Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.</p> | | | | |
| Insurans Simpanan | <p>Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.</p> | | | | |
| Pengendalian Akaun Dorman | <p>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="background-color: #e67e22; color: white;">Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td> <td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #e67e22; color: white;">Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td> <td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".</td> </tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.</p> | Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00 | Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup. | Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00 | Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut". |
| Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00 | Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup. | | | | |
| Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00 | Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut". | | | | |
| Polisi Wang Yang Tak Dituntut | Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965. | | | | |
| Ringkasan Yuran dan Caj | | | | | |
| Penutupan Awal | | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan | RM20 | | | | |
| Akaun Dorman | | | | | |
| Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir | <p>Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.</p> <p>Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan</p> | | | | |

Akaun Young Savers

| | |
|--|--|
| | sebagai “Wang Yang Tak Dituntut”. |
| Kad Debit <ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar) • Yuran Tahunan | RM8.00 RM8.00 setahun |
| Perkhidmatan Pengeluaran Tunai <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard • Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS • Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia) • Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia | RM10.00 Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) RM1.00 Tiada Caj |
| Pemindahan Segera MEPS menerusi ATM MEPS | Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas) |
| Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC | Tiada caj |
| Yuran Penggantian Kad | RM12.00 |
| Yuran Dapatan Semula Resit Jualan | RM15.00 untuk salinan asli RM8.00 untuk salinan kedua |
| Yuran Tukaran Luar Negara | Kadar Tukaran sepertimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX |
| Yuran dan Caj-caj Lain | Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain. |

Maklumat Perhubungan

| | |
|------------------------------------|---|
| OCBC Bank (Malaysia) Berhad | Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami atau layari laman web kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda. Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia): <p style="text-align: center;">Service Transformation Department, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi atau emel (sila |
|------------------------------------|---|

| | |
|--|--|
| | rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman for Financial Services); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| Bank Negara Malaysia | Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari <ul style="list-style-type: none">Laman web MyCoverage Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) | Hubungi talian hotline PIDM (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Contact Us di laman web PIDM). |

Kenyataan: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun OCBC Young Savers** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu.